

30 MAY 2000

TENGGU RAZALEIGH MINTA PENEROKA KESEDAR JANGAN PIKET

GUA MUSANG, 30 Mei (Bernama) -- Ketua Perhubungan Umno negeri Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah meminta peneroka di rancangan kemajuan tanah Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) tidak berpiket berikutan bantahan tindakan lembaga itu membeli hasil kelapa sawit dengan harga yang rendah.

Beliau berkata, isu pembelian kelapa sawit oleh Kesedar Perkilangan Sdn Berhad, sebuah anak syarikat Kesedar, perlu diselesaikan melalui rundingan bukannya mengadakan piket.

"Jangan piket, berunding dulu, perkara ini boleh diselesaikan dan saya akan bawa kepada pihak yang lebih tinggi," katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan peneroka Kesedar Paloh Tiga di sini, hari ini.

Tengku Razaleigh menyatakan kesanggupan untuk mengemukakan masalah peneroka di rancangan itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pertemuan pada 2 Jun ini di Puterajaya.

"Walaupun isu yang dibincangkan tidak tertumpu kepada masalah peneroka tetapi saya akan bawa perkara ini ke dalam rundingan dengan Perdana Menteri nanti," katanya yang juga anggota Parlimen Gua Musang.

Beliau berkata peneroka perlu memberi masa kepadanya untuk berunding dengan pihak Kesedar dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk mengatasi masalah berkenaan.

--BERNAMA

AI RI